NO. SOALAN: 33

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB DATO' SERI REEZAL MERICAN BIN NAINA MERICAN
[KEPALA BATAS]

TARIKH : 19 NOVEMBER 2014 (RABU)

SOALAN :

YB Dato' Seri Reezal Merican Bin Naina Merican [Kepala Batas] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah "risk service contract" (RSC) untuk pembangunan "marginal fields" yang telah dianugerahkan oleh PETRONAS setakat ini dan berapa lagi yang sedang dalam kajian.

JAWAPAN: <u>YB SENATOR DATO' SRI ABDUL WAHID OMAR,</u>

<u>MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI</u>

Tuan Yang di-Pertua,

Setakat 31 Julai 2014, PETRONAS telah menganugerahkan 6 RSC untuk pembangunan "*marginal fields*".

Beberapa lapangan minyak sedang diteliti untuk penganugerahan RSC seterusnya namun jumlah sebenar belum dapat dipastikan kerana beberapa kajian perlu dilaksanakan ke atas lapangan – lapangan ini sebelum pemilihan yang tepat dilakukan.

Sekian. Terima kasih.

SOALAN NO.:35

PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN	:	**LISAN**
DARIPADA	:	**YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN**
KAWASAN	:	**SELAYANG**
TARIKH	:	**19 NOVEMBER 2014, RABU**

SOALAN:

YB. TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN (SELAYANG) minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan butiran terperinci dan lengkap berhubung Penilaian Kesan Trafik (TIA) bagi keenam-enam lebuhraya yang bakal dibina di negeri Selangor termasuk Lebuhraya Bertingkat Kinrara-Damansara (KIDEX), Lebuhraya Sungai Besi-Ulu Kelang (SUKE), Lebuhraya Serdang-Kinrara-Putrajaya (SKIP), Lebuhraya Lembah Klang Timur (EKVE), Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH) dan Lebuhraya Pantai Barat (LPB).

JAWAPAN:

Tuan Yang Di-Pertua;

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Penilaian Kesan Trafik (TIA) ialah laporan awam yang perlu disediakan pihak pembida sesuatu konsesi lebuh raya baru.

Laporan TIA ini dilaksanakan oleh juru perunding trafik yang dilantik oleh pihak pembida konsesi dan dan ia perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat untuk tujuan kelulusan Kebenaran Merancang (DO). Perkara ini selaras dengan peruntukan dalam Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 di mana sesuatu pembangunan tidak boleh dimulakan sebelum menerima kelulusan daripada Pihak Berkuasa Tempatan.

Sehubungan itu, status dan maklumat laporan TIA untuk cadangan lebuh raya-lebuh raya yang baru di Negeri Selangor boleh dirujuk dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat dengan cadangan jajaran sesebuah lebuh raya baru itu.

Sekian. Terima kasih.